

NO SOALAN :94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 27.07.2017****Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status peruntukan RM1 bilion untuk tujuan Bus Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu. Berikan pelan BRT Kota Kinabalu termasuk perjalanan bas, terminal dan perhentian bas, jarak waktu perkhidmatan serta laluan BRT.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan sedang dalam proses meneliti kaedah terbaik pelaksanaan Projek BRT Kota

Kinabalu Fasa 1 (BRT KK Fasa 1) yang dianggarkan berjumlah RM1 bilion. Antara kaedah yang akan dipertimbangkan adalah melalui model perkongsian awam swasta (PPP) dimana Prasarana Malaysia Bhd selaku syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan bersama pihak swasta akan bersama menampung kos pembinaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan dan komitmen pihak swasta.